

Tingkat pembabitan golongan muda gubal dasar perubahan iklim

Mogesh Sababathy,
Pelajar Ijazah
Kedoktoran, Universiti
Putra Malaysia (UPM)

Siapapun kelak yang akan menerajui negara, antara keutamaan yang perlu diberikan perhatian adalah melaksanakan pembaharuan dalam sistem pentadbiran negara dengan menekankan kepada menyokong

perlindungan alam sekitar.

Tindakan ini selari dengan Agenda 21 Persidangan Rio 1992 yang bermatlamat untuk menghentikan kerosakan kepada alam sekitar dengan menggalakkan pembangunan lestari.

Hal ini kerana kesan perubahan iklim semakin membimbangkan, khususnya di negara ini apabila kita mengalami beberapa kejadian luar jangka seperti banjir, pencemaran udara dan air semakin kerap, selain isu peningkatan suhu serta cuaca yang semakin tidak menentu sejak kebelakangan ini.

Keadaan ini bukan hanya merosotkan kualiti alam sekitar dan menyebabkan penurunan kualiti hidup, malah berlaku peningkatan jurang sosioekonomi serta penurunan tahap kesihatan masyarakat.

Justeru, kita perlu mengorak strategi transformasi ekonomi negara yang adil ke arah lebih lestari dengan memfokuskan kepada peralihan penggunaan tenaga tidak boleh diperbaharui kepada tenaga boleh diperbaharui dan menggiatkan lagi promosi pekerjaan hijau dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya bagi golongan belia.

Dalam hal ini golongan muda adalah kelompok yang paling kurang menyumbang kepada perubahan iklim, namun merekalah juga yang paling terdedah kepada kesan perubahan iklim. Kerajaan Malaysia haruslah memandang serius dalam usaha untuk meningkatkan pembabitan mereka, khususnya dalam advokasi dasar awam yang tertumpu pada isu persekitaran dan iklim.

Selain itu, usaha harus dipergiatkan bagi memudahkan capaian kepada maklumat berkaitan alam sekitar dan dasar yang berkaitan supaya mereka menjadi lebih cakna serta mampu menyumbang secara bermakna kepada tindakan iklim di peringkat tempatan mahupun antara-bangsa dengan menggunakan platform media dalam talian mahupun bercetak dengan lebih cekap dan menyeluruh.

Iktiraf belia sebagai rakan strategik kerajaan

Seterusnya golongan belia juga haruslah diiktiraf sebagai rakan strategik kerajaan dalam proses pembuatan dasar dan proses mengambil keputusan. Hal ini bukan hanya mampu mendorong pihak kerajaan dalam mengambil tindakan iklim



Kejadian luar jangka seperti banjir semakin kerap berlaku sejak kebelakangan ini.

(Foto hiasan)

yang bermakna, tetapi melahirkan golongan muda yang lebih cakna dan prihatin terhadap isu alam sekitar serta perubahan iklim.

Dalam pada itu, sistem tadbir urus pengurusan alam sekitar perlu koheren, cekap dan responsif kepada keperluan semua kumpulan umur, khususnya golongan muda dalam merekabentuk penyelesaian tempatan yang lebih sistematik.

Hal ini kerana saya juga percaya bahawa dalam usaha untuk mengambil tindakan dalam isu perubahan iklim dan alam sekitar harus melibatkan kerjasama antara pelbagai pihak termasuk golongan terpinggir seperti kumpulan belia serta masyarakat Orang Asli. Pandangan mereka perlu diambil kira supaya keputusan yang lebih inklusif dan komprehensif dapat dibuat.

Tindakan kerajaan Malaysia baru-baru ini dalam menangani isu alam sekitar haruslah dipuji. Antaranya pemindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan meningkatkan kadar hukuman bagi penjenayah alam sekitar, usaha untuk peningkatan kesiapsiagaan menangani bencana banjir dalam bentuk pemantapan sistem amaran, pembinaan infrastruktur air yang berdaya tahan terhadap bencana iklim, pembangunan Agenda Transformasi Sektor Air Negara 2040, pelaksanaan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Nasional dengan meningkatkan kecekapan penggunaan dan pengurusan tenaga serta penggubalan rang undang-undang perubahan iklim.

Selain itu, pembangunan dasar sahaja tidak mencukupi sekiranya masyarakat Malaysia tidak ada kesedaran dan ilmu mengenai keperluan untuk memberi keutamaan kepada isu perubahan iklim dan kelestarian alam. Mereka juga perlu dimaklumkan mengenai peranan yang perlu dimainkan untuk mendukung matlamat kerajaan supaya tidak menjadi umpama besar pasak daripada tiang, besar sandal daripada gelegar.